

16/02/2004

Sentuhan Pak Lah cetus rasa lega

Zairee

KENYATAAN positif Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu melihat Le Tour de Langkawi (LTdL) terus menjadi acara tahunan dan lebih berjaya pada masa akan datang pasti memberi kelegaan buat ramai peminat sukan berbasikal jelajah berprestij itu.

Sebelum ini, biarpun tidak menyatakannya secara terbuka, kalangan wartawan terutama yang saban tahun mengikuti LTdL berasa sedih dan bimbang dengan cadangan Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) untuk memperkenalkan ProTour dan mengehendkan perlumbaan besar kepada 30 saja, itupun hanya di Eropah.

Mereka juga sentiasa bertanya sama ada Perdana Menteri baru kita yang meneruskan kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad turut meminati acara sukan terutama lumba basikal jelajah seperti LTdL.

Penulis sukar untuk menjawab pertanyaan kalangan wartawan asing itu biarpun mereka bersikap jujur. Apa yang boleh dijawab ialah Perdana Menteri kelima kita ini akan meneruskan perjuangan dan corak kepemimpinan perdana menteri lama.

Pengakuan Pengerusi Eksekutif First Cartel, Datuk Wan Lokman Wan Ibrahim untuk berusaha meneruskan penganjuran LTdL dalam kategori apa sekali pun, turut memberi banyak kelegaan. Tetapi diharap, pembangunan sukan berbasikal tempatan tidak sekali-kali diketepikan atau pelumba tempatan dipinggirkan.

Apa sekali pun cadangan UCI, kita seharusnya berasa berbangga dengan LTdL sendiri yang diakui satu jelajah yang amat berkesan dari segi penganjuran dan berjaya dari segi mempromosi tempat menarik di seluruh destinasi yang dilalui.

Malaysia terutama penganjur, First Cartel, mempunyai rangkaian kerjasama erat dengan pelbagai pihak dalam sukan berbasikal di peringkat antarabangsa. Seperti kata orang, ada connection yang baik untuk terus membantu LTdL supaya ia dapat muncul menjadi acara tahunan tetap yang dinanti-nanti.

Lagipun, kesinambungan, pada harga apa sekali pun perlu diteruskan supaya usianya yang dianggap masih terlalu muda berbanding Tour de France (100 tahun, sejak 1903), Giro d'Italia (86 tahun, sejak 1909) dan Vuelta a Espana (58 tahun, sejak 1935) boleh meniti usia lebih matang, sekurang-kurangnya di rantau Asia.

Jika ketiga-tiga jelajah itu menjadi sebutan dan sentiasa membayangi mana-mana jelajah besar lain di dunia, biarlah kita berusaha supaya LTdL menjadi sebutan bagi peminat di Malaysia dan rantau Asia, sesuai dengan statusnya yang menjadi perlumbaan tertinggi di luar Eropah.

Ruangan Menghambat Peloton ini berakhir hari ini tetapi seperti juga harapan dan peminat sukan berbasikal jelajah untuk melihat LTdL terus dianjurkan, penulis turut berharap masih ada peluang untuk menemui pembaca di masa akan datang.

Zairee